

04 SEP 1999

Osu-Pelajar

PELAJAR SABAH DIGESA TUMPU KEPADA PELAJARAN

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Sukam menggesa pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPT) dari Sabah supaya menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran.

Beliau berkata mereka hendaklah bersyukur dengan apa yang mereka nikmati dan mengelakkan daripada terabit dalam aktiviti yang boleh menggugat proses integrasi nasional.

Osu berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis Jalinan Kasih Pelajar-Pelajar Sabah di IPT-Tengah di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Majlis itu dihadiri 2,500 pelajar dari Sabah yang menuntut di IPT zon tengah Semenanjung Malaysia. Sebelum ini, majlis serupa diadakan di Kedah bagi pelajar-pelajar Sabah yang menuntut di zon utara.

Dalam ucapan utamanya, Osu mengingatkan pelajar dari Sabah supaya berhati-hati agar tidak mudah terpengaruh dengan kegiatan seperti mengadakan demonstrasi jalanan.

Osu juga menggesa mereka menyahut cabaran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menekankan perlunya Malaysia melahirkan intelek baru bertaraf dunia, bagi memenuhi tuntutan globalisasi di alaf akan datang.

Osu turut meluangkan masa kira-kira satu jam berdialog dengan pelajar bagi membincangkan masalah yang dihadapi mereka di IPT, mengutarakan cadangan serta merumuskan penyelesaian.

Dua pelajar yang ditemui ternyata berpuas hati dengan amanat, penjelasan dan saranan yang dibuat Ketua Menteri mereka.

Amir Salleh Amir Hassan, dari Lahad Datu berkata, majlis ini berjaya merapatkan lagi hubungan antara pelajar dan barisan kepimpinan negeri.

Katanya, amanat yang diberikan Osu ternyata membangkitkan kesedaran akan betapa bertuahnya mereka mendapat peluang pendidikan yang luas di negara ini.

Zuriani Abdul Karim, pelajar tahun kedua Universiti Putra Malaysia pula gembira kerana Osu begitu prihatin dengan kebajikan pelajar Sabah di Semenanjung dan berharap usaha ini akan berterusan bagi mengekalkan hubungan baik antara mereka dan kerajaan negeri.

-- BERNAMA

RBZ FAZ